

Pemilik anjing ganas dipenjara 4 bulan

LONDON: Seorang pemilik anjing dipenjara empat bulan semalam, selepas haiwan peliharaannya menyerang dan mencederakan budak berusia enam tahun.

Erfan Ali parah selepas anjing jenis Rhodesian Ridgeback - biasanya dilatih untuk membunuh singa - menyerang melalui lubang pagar dari rumah sebelah ketika dia membantu ibunya mengangkat pakaian dari penyidai.

Kedua-dua muka Erfan cedera dibaham anjing bernama Tyson itu.

Mahkamah Gabalfa di Cardiff diberitahu, Erfan terselamat apabila anjing berkenaan akhirnya berjaya diusir daripada terus menyerang budak terbabit.

Pemilik Tyson, Kevin Large, 27, mengaku gagal mengawal anjing 18 bulan itu.



LARGE (kanan) didapati bersalah gagal mengawal anjingnya menyebabkan Erfan cedera parah di muka.

Anjing berkenaan kemudi-an dibunuh.

Pendakwa, Huw Evans, ber-kata Erfan bermain di halaman rumahnya ketika Tyson membaham tangan kanannya.

"Mangsa menjerit kesaki-tan dan ibunya cuba me-nariknya ke arah pintu dapur yang terbuka.

"Dengan terus memegang Erfan dan menolak anjing itu, akhirnya pasangan ibu dan anak itu berjaya masuk ke rumah," katanya.

Bagaimanapun, kata Evans, disebabkan gagal menutup pintu dengan cepat, Tyson mengekori mereka dan membaham muka Erfan.

- DM